



Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Permaisuri berada di taman bunga bersama-sama dayang _____," kata Mak Inang kepada Bendahara Ali.
A beta
B patik
C tuanku
D baginda
2. "Jika hendak mengalahkan mereka, _____ haruslah bermain dengan bersungguh-sungguh," kata jurulatih kepada pemain-pemain itu.
A dia
B kita
C kamu
D kalian
3. Kertas jawapan ini akan dikutip oleh Cikgu Jamilah pada _____ masa sahaja.
A bila
B mana
C bila-bila
D mana-mana

Soalan 4 – 5

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

4. Encik Hasyim akan ke Perth pada hujung minggu ini untuk melawat anaknya yang A menetap di situ sejak lima tahun yang lalu.
B
C
D Tiada kesalahan.
5. Kami menurut apa yang diputuskan oleh A ayah tentang destinasi percutian itu.
B
C
D Tiada kesalahan.

Soalan 6 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

6. A "Mesin penyedut habuk dan pencuci lantai ini direka oleh apa," tanya Shuhada.
B "Pilihlah apa-apa peti sejuk yang kamu suka," kata Encik Arman kepada isterinya.
C "Di hospital itulah tempat ibu dilahirkan," kata ibu sebaik-baik sahaja tiba di Hospital Seremban.
D Penduduk Taman Indah membersihkan kawasan tempat tinggal mereka untuk menghapuskan pembiakan nyamuk aedes.
7. I Buku elektronik itu dibeli oleh Syafikah secara dalam talian.
II "Letakkan komputer itu di situ," kata Aira kepada Fahimi sambil menunjuk ke arah penjuru dewan.
III Tuanku sultan berkenan menziarahi mangsa banjir di kawasan pedalaman.
IV "Kami akan mengikuti bidang pengajian teknologi maklumat di Universiti Kebangsaan Malaysia," kata Ainul kepada Hasif.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
8. I Siti memberitahu kami bahawa dia tidak ke mana pada cuti sekolah yang lalu.
II Kita gemar menggunakan peralatan elektrik untuk memasak kerana lebih cepat.
III "Kamu ke Pusat Sains Negara dengan siapa?" tanya Amira kepada Hafiz.
IV "Ayah yang mendorong saya bergiat aktif dalam bidang robotik ini," kata Ahmad kepada Cikgu Soak Hwa.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja



Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. "Kita akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memenangi pertandingan reka cipta itu," kata Akmal dan Razif kepada Cikgu Kamsani.

2. Syafik dan Saiful akan menyaksikan perlumbaan kereta Formula Satu bersama-sama ayahnya pada minggu depan.

3. "Adakah siapa yang ingin menyertai lawatan ke Petrosains?" tanya Cikgu Aaron.

4. Apa yang diceritakan oleh gadis itu tentang gerhana bulan tidak benar.

5. "Tolong serahkan surat itu kepada ayah atau ibu kamu," kata Cikgu Shanti sambil menyerahkan sepucuk surat kepada Anuar.
